

## **Kebangkitan Masyarakat Dunia demi Pembebasan Palestin: Peranan Media Digital dan Solidariti Transnasional**

**Wan Roslili Abd. Majid\*, Mohd Noor Omar, Muhammad Nur Akmal Adib Abdul Samad**

Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, IKIM

\*Corresponding Author: wanros@ikim.gov.my

### **Abstrak**

Konflik Palestin-Israel masih menjadi salah satu krisis geopolitik yang paling lama dan rumit di dunia moden. Ia melibatkan pelanggaran hak asasi manusia, pendudukan tentera yang berterusan, dan ketidakadilan sejarah yang besar lagi mendalam terhadap rakyat Palestin. Isu ini semakin mendapat perhatian dunia beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini terutamanya disebabkan akses maklumat kini lebih terbuka dan masyarakat dunia semakin aktif menyuarakan pendapat mereka. Penulisan ini membincangkan faktor utama yang mendorong masyarakat antarabangsa menunjukkan sokongan dan solidariti terhadap Palestin. Ia menekankan peranan penting media digital dalam menyebarkan maklumat sebenar, memberikan ruang kepada suara rakyat Palestin, dan menggerakkan orang ramai untuk bertindak secara langsung di seluruh dunia. Selain itu, penulisan ini juga melihat bagaimana gerakan rakyat, kumpulan antarabangsa, dan organisasi bukan kerajaan membantu mengubah cara dunia menyuarakan pandangan tentang Palestin pada peringkat global. Kesedaran ini bukan sahaja mencabar naratif politik dan media yang berat sebelah, tetapi juga mendorong penilaian semula terhadap undang-undang antarabangsa, hak asasi manusia, dan tanggungjawab negara. Seterusnya penulisan ini membahaskan laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mendedahkan aspek ekonomi dalam penindasan sistematik terhadap Palestin — termasuk konsep “ekonomi genosid”, iaitu bagaimana penderitaan dan keganasan dijadikan keuntungan oleh pihak tertentu pada peringkat global. Kajian yang dijalankan berasaskan kaedah kualitatif, iaitu analisis data sekunder mendapati bahawa wujud peralihan daripada laungan solidariti yang bersifat spontan kepada gerakan yang lebih terancang, strategik, dan berterusan. Penulisan ini diakhiri dengan cadangan praktikal tentang bagaimana solidariti global yang semakin kuat ini boleh digunakan untuk mendorong perubahan politik dan kemanusiaan demi pembebasan dan hak menentukan nasib sendiri bagi rakyat Palestin.

**Kata Kunci:** Palestin, solidariti transnasional, hak asasi manusia, aktivisme digital, kebebasan, diplomasi awam, ekonomi genosid

### **Pengenalan**

Konflik Palestin–Israel kekal sebagai salah satu perjuangan yang paling panjang dalam era moden. Ia berakar umbi daripada rampasan tanah dan kediaman yang dilakukan pendatang Yahudi sejak berabad lamanya. Penindasan ini diteruskan pula dengan pelanggaran sistematik

terhadap hak asasi manusia, dasar apartheid, dan pendudukan ketenteraan yang terus menekan rakyat Palestin. Meskipun konflik ini telah lama menjadi tumpuan politik Timur Tengah dan global, namun kebangkitan semula kesedaran serta solidariti antarabangsa terhadap perjuangan rakyat Palestin dapat dilihat dengan ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan ini mencerminkan bukan sahaja ketidakadilan berterusan yang dialami oleh rakyat Palestin, tetapi juga perubahan landskap global, iaitu naratif politik yang dipersembahkan selama ini mula dipertikaikan, dibentuk semula, dan diperluas merentas sempadan.

Dalam hubungan ini, kuasa media digital jelas menjadi asas bagi perubahan yang berlaku. Ia ternyata berjaya membuka akses yang luas tanpa diskriminasi kepada pelbagai maklumat. Selain itu, ia juga membolehkan rintihan golongan yang selama ini terpinggir daripada wacana geopolitik arus perdana didengari. Melalui pendokumentasian realiti kehidupan seharian dalam cengkaman pendudukan rejim Zionis, platform digital telah berjaya menggerakkan masyarakat global. Selain itu, kesedaran transnasional yang mencabar naratif politik tradisional dan diplomasi berpusatkan negara juga dapat dibentuk. Seiring dengan kebangkitan digital ini, gerakan akar umbi, rangkaian advokasi transnasional, dan aktor bukan negara memainkan peranan penting dalam merangka semula perjuangan Palestin. Dengan kata-kata lain, ia bukan lagi semata-mata sebagai konflik wilayah yang bersifat setempat, tetapi sebagai isu hak asasi manusia serta keadilan sejagat.

Pada masa yang sama, konflik ini juga mula diteliti dengan mendalam melalui rangka kerja undang-undang antarabangsa, ekonomi, dan kemanusiaan yang kritikal. Laporan terkini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendedahkan corak sistematik perampasan serta kemunculan apa yang digelar oleh sesetengah sarjana sebagai "ekonomi genosid." Analisis sedemikian bukan sahaja menjurus kepada peranan negara Israel, tetapi turut mengaitkan aktor global yang bersubahat dalam mengekalkan keganasan secara berstruktur dan memperdagangkan penderitaan yang dialami oleh rakyat atau penduduk sesebuah negara sebagaimana yang berlaku di Palestin.

Penulisan ini dibina berasaskan perkembangan tersebut, iaitu untuk meneliti dinamika solidariti global terhadap Palestin yang semakin berkembang. Penulisan ini juga bertujuan mengkaji bagaimana aktivisme digital, diplomasi awam, dan mobilisasi masyarakat sivil dapat membentuk semula wacana antarabangsa serta mempengaruhi naratif sedia ada. Dengan meletakkan perjuangan Palestin dalam konteks perjuangan yang lebih luas untuk mencapai keadilan dan pembebasan, penulisan ini menegaskan potensi aktivisme global yang berterusan, strategik, dan tersusun. Ia akhirnya diharapkan dapat mempengaruhi proses membuat keputusan, memperkukuh akauntabiliti hak asasi manusia, dan memperjuangkan penentuan nasib sendiri oleh rakyat Palestin sebagaimana dijamin oleh Piagam PBB dan ICCPR (Cornell Law School, t.t.).

### **Kajian Literatur**

Kajian literatur berhubung dengan konflik Palestin–Israel merentas pelbagai disiplin, termasuklah sejarah, undang-undang, ekonomi politik, dan solidariti global. Ia memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap salah satu konflik dunia yang berlarutan sedemikian lama. Ahli sejarah seperti Rashid Khalidi (2020), Ilan Pappé (2006), dan Nur Masalha (2012) menekankan peranan yang dilaksanakan yayasan bagi penjajah dan pendatang haram dalam pembentukan negara Israel. Pada masa yang sama, rampasan tanah dan pembersihan etnik semasa tragedi Nakba ditelusuri bagi mendedahkan pembentukan sistem berasaskan diskriminasi yang berkekalan sehingga hari ini. Avi Shlaim (2014) dan Benny Morris (2008) pula menghuraikan bagaimana peperangan serta strategi diplomatik berjaya mengekalkan sistem pendudukan haram, manakala Edward Said (1979) mengupas bagaimana budaya dan bahasa membentuk pemikiran dan perbahasan masyarakat tentang isu Palestin.

Sarjana dalam bidang undang-undang meluaskan lagi analisis berkaitan dengan konflik ini dalam kerangka undang-undang antarabangsa. Antaranya termasuklah Noura Erakat (2019) yang menegaskan bahawa undang-undang digunakan sama ada sebagai alat penindasan mahupun juga dalam kerangka penentangan terhadap penindasan yang dilakukan. Sementara itu, John Quigley (2010) dan Victor Kattan (2009) meneliti isu kenegaraan, kedaulatan serta pelanggaran norma antarabangsa yang mengukuhkan hujah John Dugard (2013) tentang apartheid dan ketidakabsahan struktur pendudukan Israel.

Pendekatan ekonomi politik pula menekankan faktor ekonomi di sebalik penjajahan Israel. Dalam hubungan ini, Eyal Weizman (2012) menunjukkan bagaimana seni bina atau pembinaan dimanfaatkan untuk mengawal sesebuah kawasan; Hanieh Adam (2013) dan Toufic Haddad (2016) pula menjelaskan bagaimana sistem kapitalis dan neoliberalis mengekalkan rampasan ekonomi; manakala Neve Gordon (2008) menganalisis bagaimana pendudukan ketenteraan berfungsi sebagai sistem pemerintahan yang menormalisasikan penindasan. Ariella Azoulay dan Adi Ophir (2012) yang mengukuhkan analisis ini, menegaskan bahawa “*keadaan sebuah negara*” (*one-state condition*) menggambarkan sempadan yang kabur antara demokrasi dengan dominasi. Dengan kata-kata lain, pewujudan sebuah negara menunjukkan bahawa pendudukan menjadikan sukar untuk dibezakan antara demokrasi dengan kawalan. Literatur atau penulisan berkaitan dengan penentangan terhadap penjajahan menonjolkan cara rakyat Palestin dan sekutu global mereka menentang penindasan yang dilakukan sejak berkurun lamanya. Sebagai contoh, Omar Barghouti (2011) memperincikan strategi global melalui gerakan *Boycott, Divestment, and Sanctions (BDS)*, sementara Noam Chomsky dan Ilan Pappé (2010) membongkar krisis kemanusiaan di Gaza serta kesannya terhadap gerakan aktivisme antarabangsa. Norman Finkelstein (2012) mendokumentasikan perubahan persepsi awam di barat, khususnya dalam kalangan masyarakat Yahudi sendiri, manakala Rashid Khalidi (1997) dan Ibrahim Abu-Lughod (1971) menempatkan pembentukan identiti Palestin dan gerakan penentangan mereka dalam konteks gerakan anti-penjajah yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, kesemua penulisan ini menegaskan bahawa konflik Palestin–Israel tidak boleh difahami hanya sebagai pertikaian berkaitan dengan wilayah semata-mata.

Namun sebaliknya, ia mesti difahami sebagai sistem penjajahan oleh pendatang haram, rampasan yang dilakukan secara sistematik, serta penglibatan masyarakat global. Pada masa yang sama, penulisan ini juga menonjolkan pelbagai strategi undang-undang, politik dan sosial yang telah digerakkan dalam usaha mencapai pembebasan dan kemerdekaan bagi rakyat Palestin.

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Konflik antara Arab dengan Israel di Palestin telah berlarutan lebih enam dekad, iaitu jika dihitung sejak tarikh rasmi penubuhan negara Israel pada 15 Mei 1948. Namun jika ditinjau dari aspek sejarah Palestin moden, ia telah jatuh ke tangan British sejak tahun 1917. Hal ini berpunca daripada kekalahan Kerajaan Turki Uthmaniyyah kepada tentera British. Tiga tahun kemudian, Liga Bangsa-Bangsa (sebelumnya dikenali sebagai Bangsa-Bangsa Bersatu) memberikan mandat kepada British untuk mentadbir Palestin yang dikenali sebagai British Mandate. Sarjana hampir sepakat mengatakan bibit-bibit kejatuhan Palestin bermula sejak akhir abad ke 19 akibat kelemahan pemerintahan Turki Uthmaniyyah dan kewujudan agenda zionis selepas penubuhan Pertubuhan Zionis Dunia (*World Zionist Organization*) pada tahun 1897 (Mohd. Nor, 2010)

Asal-usul konflik Arab–Israel turut berpunca daripada cita-cita Zionis untuk menduduki Palestin. Idea ini mula diperkenalkan oleh Theodor Herzl, peguam berbangsa Austria melalui karyanya *Der Judenstaat (Negara Yahudi)* yang sekali gus menjelaskan falsafah politik Zionis. Kongres Zionis Pertama yang diadakan di Basel pada tahun 1897 menetapkan matlamat untuk “menubuhkan tanah air bagi Yahudi di Palestin”. Bagi menyokong tuntutan ini, Zionis menggunakan hujah daripada kitab Injil yang menyatakan janji Tuhan kepada Nabi Ibrahim bahawa mereka akan dikurniakan tanah yang terletak di antara Sungai Nil di Mesir sehingga ke Sungai Dajlah. Walau bagaimanapun, sarjana seperti A. Guillaume menolak tafsiran ini dengan menjelaskan bahawa janji tersebut bukan hanya untuk bangsa Yahudi, tetapi juga untuk umat Islam dan penganut Kristian yang berkongsi salasilah dengan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (Ermy Azziati, 2011).

Cita-cita Yahudi untuk menubuhkan negara mereka di Palestin memperoleh sokongan British melalui Deklarasi Balfour 1917. Sebelum pengisytiharan rasmi pada 18 Julai 1917, Lord Rothchild, pemimpin Yahudi di London menulis surat kepada Arthur James Balfour, Setiausaha Luar British bagi menegaskan hasrat Zionis untuk menubuhkan ‘national home’ untuk bangsa Yahudi. Pada hari yang sama juga, draf rasmi Zionis telah pun tersebar dalam kabinet British, yang membincangkan ‘pengiktirafan Palestin sebagai ‘national home bagi bangsa Yahudi’ dan organisasi Zionis. Pada 2 November 1917, Balfour mengemukakan surat kepada Rothschild yang mendapat restu daripada Perdana Menteri dan diluluskan oleh kabinet. Surat ini dikenali sebagai Deklarasi Balfour yang menyokong penempatan Yahudi di Palestin (Ermy Azziati, 2011).

Deklarasi Balfour turut membuka jalan bagi kemasukan besar-besaran orang Yahudi ke Palestin, sesuatu yang tidak mampu untuk dihalang oleh penduduk asal Palestin sendiri (Ermy

Azziati, 2011). Orang Yahudi yang melarikan diri daripada Nazisme di Eropah mula berhijrah ke Palestin dalam jumlah yang besar. Peratusan penduduk Yahudi di Palestin meningkat daripada 6% pada tahun 1918 kepada 33% pada tahun 1947 (Mohammed Haddad and Alia Chughtai, 2025). Kemasukan beramai-ramai ini menimbulkan tekanan dan rasa tidak selamat dalam kalangan rakyat Palestin, sehingga mencetuskan ketegangan di wilayah tersebut. Deklarasi Balfour lantas dianggap oleh rakyat Palestin sebagai punca masalah, tekanan, dan bebanan kepada mereka (Ermy Azziati, 2011).

Ilan Pappé menegaskan bahawa konflik Palestin–Israel tidak bermula pada 7 Oktober 2023 atau juga pada tahun 1948 dengan penubuhan Negara Israel dan bukan juga pada tahun 1967 dengan pendudukan Israel di Tebing Barat. Namun, ia bermula lebih awal, iaitu sejak kedatangan imigran Zionis pertama ke Palestin Uthmaniyyah pada tahun 1882 (Ilan Pappé, 2024). Masyarakat antarabangsa menyaksikan penganiayaan dan kezaliman tidak terungkap yang dialami rakyat Palestin selama lebih tujuh dekad. Pengkhianatan pihak British terhadap rakyat Palestin ketara melalui Deklarasi Balfour pada tahun 1917. Ia diisytiharkan dengan menawarkan Palestin sebagai “a national home” kepada bangsa Yahudi. Kuasa mandat juga diberikan oleh Pertubuhan Liga Bangsa kepada British untuk mentadbir Palestin, Iraq serta Transjordan sementara Perancis diberikan mandat atas Syria. British juga memanipulasi kuasa mandat yang diberikan kepada mereka untuk menempatkan bangsa Yahudi di barat Palestin. Di bawah mandat British ini, keizinan diberikan kepada bangsa Yahudi untuk menetap di wilayah berkenaan, iaitu di antara Sungai Jordan dengan Laut Mediteranean. Hak ini diperuntukkan secara sah dalam Persidangan San Remo pada 25 April 1920 (Wan Roslili, 2023).

Pembentukan negara Israel pada tahun 1948 merupakan kesan langsung daripada pelaksanaan mandat ini di Palestin. Ia juga menjerumuskan tanah air dan rakyat Palestin ke dalam krisis kemanusiaan, politik, dan kemanusiaan selama hampir satu abad (Ermy Azziaty, 2011) Peristiwa Nakba membawa kepada pengusiran lebih 90% rakyat Palestin dari tanah air mereka. sebahagian besar diusir secara paksa atau melalui kekerasan. Mereka yang tinggal – kira-kira 160,000 orang – diletakkan di bawah pemerintahan tentera dan dilucutkan hak milik tanah, sekali gus dijadikan warganegara kelas kedua. Hari ini, warisan itu masih berlanjutan: lebih 70% rakyat Palestin kini berstatus pelarian, termasuk lima juta orang di Timur Tengah.

Peristiwa Nakba telah membawa kepada kehancuran masyarakat Palestin dan kemusnahan besar terhadap landskap Arab. Kira-kira 90% rakyat Palestin dari wilayah yang kini menjadi negara Israel telah dipaksa meninggalkan tanah air mereka, sama ada melalui keganasan atau paksaan. Mereka yang tinggal — sekitar 160,000 orang — diletakkan di bawah pemerintahan tentera, dirampas tanah mereka, dan dijadikan warganegara kelas kedua. Kesannya masih berterusan sehingga kini, sekitar 70% rakyat Palestin merupakan pelarian, termasuk lebih lima juta orang di Timur Tengah. Proses pengusiran dan perampasan tanah ini berterusan hingga tahun 1950-an, apabila kerajaan Israel dan Dana Nasional Yahudi (JNF) memastikan pelarian tidak dapat kembali dengan merobohkan kampung serta menukarkannya menjadi penempatan Yahudi, taman negara, hutan, malah tempat letak kereta (Nur Masalha, 2008).

### **Keganasan Sistematis terhadap Palestin: Nakba (1948) dan Pembunuhan Sabra & Shatila (1982)**

Tahun 1948 menandakan Nakba atau “mala petaka” bagi rakyat Palestin, yang berlaku serentak dengan penubuhan negara Israel di atas 78% wilayah Palestin Mandatori. Peristiwa ini menyaksikan pembersihan etnik, pengusiran besar-besaran, dan rampasan harta rakyat Palestin, dilaksanakan melalui rancangan Plan Dalet. Ia dikukuhkan dengan keganasan yang bersifat sistematis, termasuk pembunuhan beramai-ramai di Deir Yasin (April 1948). Pengambilalihan tanah dan penempatan diserahkan kepada Jewish National Fund (JNF) yang diberikan mandat untuk membina tanah air yang eksklusif bagi bangsa Yahudi. Sejarawan Walid Khalidi menyifatkan Nakbah sebagai kemuncak kepada penjajahan Zionis selama beberapa dekad dan menandakan permulaan bagi penghapusan dan diaspora rakyat Palestin (Nur Masalha, 2008)

Peristiwa Nakbah telah membawa kepada kehancuran masyarakat Palestin dan kemusnahan besar landskap Arab. Kira-kira 90% rakyat Palestin dari wilayah yang baru ditubuhkan sebagai negara Israel telah diusir, kebanyakannya melalui keganasan atau paksaan. Mereka yang tinggal, iaitu sekitar 160,000 orang diletakkan di bawah pemerintahan tentera, dirampas tanah mereka, dan dijadikan warganegara kelas kedua. Kesannya masih berterusan sehingga kini, iaitu sekitar 70% rakyat Palestin merupakan pelarian, termasuk lebih lima juta orang di Timur Tengah. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa penempatan Yahudi menjejaskan hak rakyat Palestin. Sebagai tindak balas, gerakan pembebasan nasional muncul dalam kalangan rakyat Palestin dengan sokongan negara-negara Arab lain, sebagai reaksi langsung terhadap penindasan serta ketidakadilan Zionis. Perjuangan rakyat Palestin untuk kemerdekaan dan pembebasan tanah air mereka masih berterusan hingga ke hari ini (Nur Masalha, 2008).

Salah satu tragedi paling menyayat hati yang menimpa rakyat Palestin di perantauan ialah pembunuhan beramai-ramai Sabra dan Shatila. Kem pelarian Shatila dan kawasan bersebelahannya, Sabra, yang terletak di barat daya Beirut, ibu negara Lubnan, menjadi tempat perlindungan bagi rakyat Palestin yang melarikan diri daripada pengusiran besar-besaran dan pembersihan etnik semasa peristiwa Nakba 1948, ketika militan Zionis menubuhkan negara Israel. Pada September 1982, pelarian ini bersama-sama dengan penduduk awam Lubnan telah diserang dengan kejam oleh militan sayap kanan Lubnan yang bertindak dengan kerjasama tentera Israel. Selama tiga hari berturut-turut, dari waktu matahari terbenam pada hari Khamis, 16 September sehingga tengah hari Sabtu, 18 September 1982, dianggarkan antara 2,000 hingga 3,500 orang telah dibunuh. Tragedi ini dikenang sebagai salah satu episod paling gelap dalam sejarah moden Timur Tengah (Al-Jazeera, 2025).

### **Penindasan Berterusan dan Penghapusan Identiti Palestin**

Penindasan terhadap rakyat Palestin berlanjutan hingga ke hari ini, khususnya melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kewarganegaraan Israel 1951. Meskipun hak untuk kembali ke tanah air dijamin oleh Resolusi 194 (III) PBB 1948 (United Nations, 1978),

Artikel 13 (2) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948, Artikel 5 Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (CERD) 1965 dan Artikel 12 Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) 1966 (Human Rights Watch, 2003), namun rejim Zionis terus menafikan hak pelarian Palestin untuk kembali melalui penggubalan undang-undang diskriminasi ini. Sejak penubuhan haram negara Israel pada tahun 1948, laporan demi laporan menunjukkan bahawa pembunuhan kejam, penahanan sewenang-wenangnya dan penyeksaan terhadap wanita serta kanak-kanak Palestin terus berlaku tanpa henti (Wan Roslili, 2025).

Menurut *Defense for Children International–Palestine* (DCIP), sehingga 31 Mac 2024, pihak berkuasa Israel menahan 61 kanak-kanak Palestin di bawah tahanan pentadbiran. Angka ini adalah yang tertinggi sejak DCIP mula memantau kes seumpama itu pada tahun 2008. Sekurang-kurangnya lebih separuh daripada tahanan ini berlaku selepas 7 Oktober 2023, sejajar dengan peningkatan operasi ketenteraan Israel di Tebing Barat yang diduduki. Tahanan pentadbiran, iaitu penahanan tanpa tuduhan atau perbicaraan, bergantung pada “bukti rahsia” yang tidak didedahkan kepada tahanan mahupun peguam mereka. Hal ini sekali gus menafikan hak pembelaan diri yang adil. Amalan ini merupakan penahanan tidak sah dan melanggar undang-undang antarabangsa. Laporan turut menekankan bahawa keadaan tahanan kanak-kanak Palestin menjadi lebih buruk sejak 7 Oktober dan pendedahan dibuat bahawa kanak-kanak berkenaan diberikan layanan yang sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan di dalam penjara Israel. (Defense for Children International – Palestine, t.t).

Selain itu, menurut Commission for Detainees and Ex-Detainees Affairs, lebih 600 kanak-kanak Palestin di Baitulmaqdis Timur dikenakan tahanan rumah pada tahun 2022. Amalan ini kebanyakannya dikenakan ke atas kanak-kanak berumur bawah 14 tahun, kerana undang-undang Israel melarang pemenjaraan rasmi bagi kanak-kanak pada usia tersebut. Tempoh tahanan di rumah boleh berlangsung daripada beberapa hari sehingga lebih setahun, namun tempoh ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada hukuman yang akan dikenakan kemudian (Middle East Monitor, 2025).

Di bawah tahanan rumah, kanak-kanak dipaksa tinggal di dalam rumah, sering kali perlu memakai peranti pemantauan elektronik, dan tidak dibenarkan pergi ke sekolah atau mendapatkan rawatan perubatan tanpa pengawasan yang ketat. Keluarga turut dibebani apabila mereka kadangkala dikehendaki memberikan jaminan kewangan yang besar bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang dikenakan oleh mahkamah dan adakalanya terpaksa menjual harta atau menghabiskan simpanan mereka. Pelaksanaan tahanan rumah secara meluas menimbulkan isu yang serius dari sudut undang-undang hak asasi manusia antarabangsa (Middle East Monitor, 2025). Dalam hubungan ini, ia bertentangan malah melanggar beberapa peruntukan di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), iaitu Artikel 28 (hak pendidikan), Artikel 37(b) (larangan terhadap rampasan kebebasan secara tidak sah atau dengan sewenang-wenangnya), dan Artikel 40 (piawaian bagi layanan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang).

Perancangan untuk menghapuskan kewujudan rakyat Palestin jelas terbukti melalui penafian terhadap identiti mereka yang merupakan hak paling asas. Isu ini telah diketengahkan dalam laporan Human Rights Watch bertajuk *“A Threshold Crossed — Israeli Authorities and the Crimes of Apartheid and Persecution”* yang diterbitkan pada April 2021. Laporan tersebut turut mendedahkan bahawa tindakan rejim Zionis Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza jelas merupakan perlakuan apartheid dan jenayah terhadap kemanusiaan. Hal ini dapat dilihat melalui sekatan pergerakan, rampasan tanah sebagaimana yang disaksikan berlaku di kawasan Sheikh Jarrah, pengusiran paksa, penafian hak pemastautin dan kewarganegaraan, serta penindasan meluas terhadap hak sivil (Human Rights Watch, 2021).

### **7 Oktober 2023: Titik Peralihan dalam Krisis Kemanusiaan Serantau**

Peristiwa 7 Oktober 2023 menjadi titik perubahan dramatik dalam hubungan serantau dan persepsi global terhadap konflik Palestin-Israel. Pada tarikh tersebut, serangan berskala besar oleh Hamas ke atas wilayah Israel mencetuskan tindak balas ketenteraan yang amat dahsyat oleh rejim Zionis. Sebagai tindak balas, Israel menyekat bekalan asas seperti air, elektrik dan bahan api ke Gaza, di samping melancarkan pengeboman berterusan ke atas kawasan awam. Akibatnya, berjuta-juta penduduk Gaza terpaksa meninggalkan rumah mereka untuk mencari perlindungan. Menurut Kementerian Kesihatan Gaza, sehingga Ogos 2025, sekurang-kurangnya 62,004 rakyat Palestin telah terbunuh, termasuk lebih 18,430 kanak-kanak, manakala 156,230 orang cedera akibat serangan udara Israel. Statistik ini mencerminkan tahap kemusnahan dan penderitaan manusia yang luar biasa dalam sejarah moden. Punca sebenar kepada letusan konflik ini bukanlah serangan Hamas semata-mata, tetapi pendudukan ketenteraan selama 56 tahun di Tebing Barat dan sekatan sepenuhnya ke atas Gaza (Human Rights Watch, 2021) yang telah menjerut kehidupan lebih dua juta rakyat Palestin.

Keganasan berterusan oleh kerajaan Israel terhadap rakyat Palestin yang diasaskan pada naratif palsu kini tidak lagi dipercayai masyarakat antarabangsa. Dengan yang demikian, mereka bangkit untuk menyatakan bantahan serta penentangan yang tegas terhadap tindakan Israel. Pada masa yang sama, solidariti terhadap rakyat Palestin turut dizahirkan, selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia. Antara pelanggaran paling serius ialah penggunaan kebuluran sebagai kaedah peperangan, yang dibuktikan melalui tindakan sengaja menahan bekalan makanan, air, dan keperluan asas daripada sampai kepada penduduk Gaza. Tindakan sedemikian dilarang secara jelas di bawah Artikel 54 Protokol Tambahan I kepada Konvensyen Geneva (1977). Artikel ini melarang pemusnahan atau sekatan terhadap sumber kehidupan orang awam. PBB serta pelbagai organisasi kemanusiaan termasuk Human Rights Watch mengesahkan bahawa amalan tersebut memenuhi unsur jenayah perang di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa (Human Rights Watch, 2023).

### **Solidariti Global terhadap Keadilan Palestin**

Menurut David Featherstone, solidariti merupakan alat penting dalam membentuk semula wacana politik dan moral. Gerakan solidariti memerlukan kemampuan untuk menembusi

sempadan ideologi, budaya dan bahasa bagi mengatasi naratif yang lebih dominan atau telah tersebar luas. Hal ini bermaksud perubahan bukan sahaja perlu dibuat dari aspek cara hujah disampaikan dari sudut ideologi, tetapi juga bagaimana hujah berkenaan diperhati, dialami, didengari, dan dihayati dalam interaksi sosial (Haugbolle, S., & Olsen, P. V. (2023).

Kemarahan masyarakat antarabangsa telah mencetuskan gelombang luar biasa dalam solidariti dan Gerakan pro-Palestin, terutama apabila Amerika Syarikat dan sekutunya mengetuai usaha untuk melindungi Israel daripada dipertanggungjawabkan atas jenayah genosid. Kebangkitan ini telah mengubah persepsi awam, dengan jutaan orang turun ke jalanan bagi menyatakan protes. Selain demonstrasi besar-besaran, inisiatif akar umbi yang merangkumi gerakan kesatuan sekerja, aktivisme akademik dan pelajar sehinggalah cabaran undang-undang oleh kumpulan hak asasi manusia, serta kempen pelupusan (*divestment*) — telah menjadikan isu Palestin sebagai perjuangan utama masyarakat dunia demi menegakkan keadilan (Al-Shabaka, 2025).

Gerakan yang lebih meluas ini memperoleh momentum yang ketara pada Mei 2021, iaitu selepas berlakunya demonstrasi besar-besaran dan peningkatan keganasan di Palestin. Kesatuan sekerja di seluruh dunia mengeluarkan kenyataan sokongan, manakala pekerja pelabuhan di Amerika Syarikat, Itali, dan Afrika Selatan menolak untuk mengendalikan barangan Israel. Pada 27 Mei, hampir 600 pemuzik menyokong seruan rakyat Palestin untuk melaksanakan boikot budaya terhadap institusi Israel. Di Itali, sebanyak 250 pertubuhan mengisytiharkan ruang yang berkaitan dengan Israel sebagai “Zon Bebas Apartheid” dan berikrar untuk memboikotnya. Komuniti intelektual tidak ketinggalan dan turut menzahirkan menunjukkan sokongan yang padu. Menurut The Palestinian Campaign for the Academic and Cultural Boycott of Israel (PACBI), lebih daripada 300 jabatan akademik, program, pusat, kesatuan, dan persatuan di seluruh dunia telah mengeluarkan kenyataan menyokong hak rakyat Palestin, manakala lebih daripada 15,000 ahli akademik, pelajar, dan kakitangan universiti menandatangani deklarasi solidarity; gelombang sokongan global yang tidak pernah berlaku sebelum ini (Ross, R., 2021).

Kebangkitan masyarakat antarabangsa dan solidariti mereka terhadap rakyat Palestin turut terserlah melalui strategi yang dianjurkan oleh misi kemanusiaan melalui laut, yang dikenali sebagai Freedom Flotilla. Pada tahun 2008, dua kapal daripada Free Gaza Movement telah berjaya sampai ke Gaza, menandakan kejayaan pertama menembusi sekatan laut Israel. Gerakan ini, yang diasaskan pada tahun 2006 oleh aktivis semasa perang Israel terhadap Lubnan, telah melancarkan 31 buah kapal antara tahun 2008 hingga 2016, lima daripadanya menuju ke Gaza bagi mencabar peraturan ketat Israel. Sejak tahun 2010, Israel telah menyerang atau memintas setiap flotila yang cuba memecahkan kepungan terhadap Gaza di perairan antarabangsa (Ali, M., 2025). Paling diingati ialah serangan berdarah ke atas kapal *Mavi Marmara* pada tahun 2010 oleh komando Israel di perairan antarabangsa. Serangan yang mengorbankan 10 orang aktivis dan mencederakan puluhan yang lain, mencetuskan kemarahan masyarakat antarabangsa. Sejak itu, misi seperti *Freedom Flotilla II* (2011), *Freedom Flotilla III* (2015), *Just Future for Palestine* (2018), dan yang terkini, *Break*

*the Siege Conscience* (2025) serta *Madleen Freedom Flotilla* (2025) terus dilancarkan, menandakan kesungguhan masyarakat awam untuk meruntuhkan tembok kebuisan antarabangsa (Wan Roslili, 2025).

Sumud Nusantara yang dilancarkan pada 25 Julai 2025 meneruskan kesinambungan misi luhur Freedom Flotilla. Konvoi yang digerakkan oleh rakyat ini melibatkan Malaysia dan lahan buah negara lain, diilhamkan oleh semangat *sumud (ketabahan)* rakyat Palestin. Ia bertujuan mencabar sekatan terhadap Gaza dan menghidupkan semula solidariti dalam kalangan negara Selatan Global. Sumud Nusantara merupakan sebahagian daripada Global Sumud Flotilla, iaitu armada yang menggerakkan usaha bersepadu tanpa keganasan. Armada ini terdiri daripada kapal-kapal kecil yang belayar dari pelbagai pelabuhan di sekitar Mediterranean bagi mencabar kepungan haram rejim Israel terhadap Gaza. Inisiatif ini menyatukan pelbagai gabungan peserta antarabangsa, termasuk veteran misi darat dan laut terdahulu seperti Maghreb Sumud Flotilla, Freedom Flotilla Coalition, dan Global March to Gaza. Setiap kapal melambangkan semangat kebersamaan, ketabahan, dan penolakan untuk terus berdiam diri terhadap jenayah genosid (Sumud Nusantara, 2025).

Misi bagi membuka koridor kemanusiaan oleh Global Sumud Flotilla (GSF) yang kemudiannya disokong oleh Freedom Flotilla Coalition dan Thousand Madleens to Gaza (FFC X TMTG) akhirnya dipintas oleh rejim Zionis Israel dan kesemua aktivis ditahan serta dipenjarakan. Tindakan tersebut jelas merupakan pelanggaran serius terhadap undang-undang antarabangsa dan membentuk pertanggungjawaban di bawah undang-undang yang berkaitan. Misi GSF dan FFC X TMTG jelas dilindungi pelbagai instrumen undang-undang antarabangsa. Antaranya termasuklah Artikel 87, 89, 92, 97 dan 110 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS), Artikel 23, 55 dan 56 Konvensyen Geneva Keempat, dan Artikel 8(2)(b)(xxv) Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Bagi Malaysia dan negara-negara yang diwakili aktivis GSF, tindakan boleh diambil berdasarkan undang-undang yang berkaitan terhadap rampasan dan penculikan yang dilakukan rejim Israel. Selain itu, aduan dan laporan juga boleh dikemukakan kepada Majlis Hak Asasi PBB (UNHCR) di bawah mekanisme badan perjanjian antarabangsa (*treaty body*) seperti Konvensyen Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT). Hal ini bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB (OCHCR) atas layanan tidak berperikemanusiaan yang diterima aktivis GSF (Wan Roslili, 2025).

### **Pembebasan Palestin: Perjuangan Undang-undang, Politik dan Moral**

Perjuangan dari segi undang-undang, politik, dan moral bagi pembebasan Palestin telah berkembang sepanjang beberapa dekad dalam proses pengadilan antarabangsa, resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), serta gerakan akar umbi. Kesemua unsur ini membentuk jalinan kebangkitan global; bermula dengan kenyataan tegas Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), kepada perbahasan di PBB yang sering terhalang dan tidak berkesan

namun tetap membentuk norma serta prinsip antarabangsa, hinggalah kepada ruang dinamik mahkamah domestik dan diplomasi awam.

Keputusan ICJ yang bersejarah menunjukkan bagaimana undang-undang antarabangsa secara konsisten menolak keabsahan pendudukan Israel. Pada tahun 2004, pendapat penasihat ICJ tentang pembinaan tembok pemisah menyatakan bahawa pembinaan tembok tersebut dan rejim di Wilayah Palestin yang Diduduki (OPT), termasuk Baitulmaqdis Timur, melanggar undang-undang antarabangsa. Mahkamah turut menggesa supaya pembinaan itu dihentikan, struktur tersebut dirobohkan, dan pampasan diberikan, serta menyeru negara-negara lain agar tidak mengiktiraf atau membantu perbuatan yang menyalahi undang-undang itu (International Court of Justice, 2004). Dua dekad kemudian, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sekali lagi mengambil tindakan susulan peperangan di Gaza. Pada Januari 2024, sebagai tindak balas terhadap permohonan Afrika Selatan di bawah Konvensyen Genocide, ICJ telah mengeluarkan langkah sementara (*provisional measures*) yang mengarahkan Israel untuk mengelakkan tindakan yang bersifat genosid, membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan, dan melaporkan pematuhan terhadap arahan tersebut (International Court of Justice, 2024). Perintah tambahan dikeluarkan pada Mac dan Mei 2024 dan mahkamah menekankan kepentingan akses kemanusiaan serta langkah bagi mengelakkan kemudaratan yang tidak dapat dipulihkan (International Court of Justice, 2024). Perkembangan paling penting berlaku pada Julai 2024, apabila ICJ mengisytiharkan bahawa kehadiran berterusan Israel di Wilayah Palestin yang Diduduki (OPT) menyalahi undang-undang, serta memerintahkan pengunduran “secepat mungkin” dan pembayaran pampasan atas kerosakan yang dilakukan. Mahkamah turut menegaskan tanggungjawab negara ketiga untuk tidak mengiktiraf atau membantu tindakan yang bertentangan dengan undang-undang tersebut (International Court of Justice. (2004).

Pendapat penasihat tersebut, menegaskan semula pandangan pada 2024 bahawa pendudukan Israel bukan sahaja tidak dapat dipertahankan dari segi politik, tetapi juga merupakan pelanggaran nyata terhadap norma asas undang-undang antarabangsa (*peremptory norms*). Selari dengan keputusan kehakiman ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah berfungsi sebagai arena diplomatik utama dalam menangani isu pendudukan tersebut. Selepas Perang Enam Hari, Resolusi Majlis Keselamatan 242 (1967) mewujudkan kerangka “*land-for-peace*”, yang menuntut pengunduran Israel dari wilayah yang diduduki sambil menegaskan prinsip kedaulatan dan integriti wilayah semua negara yang terlibat (UNSC, 1967).

Pendapat Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan resolusi Majlis Keselamatan PBB telah mewujudkan rangka kerja undang-undang yang jelas bagi menolak keabsahan penempatan haram dan pendudukan Israel (United Nations Security Council [UNSC], 1980, 2016). Pada peringkat tempatan, mahkamah di negara tertentu menterjemahkan norma ini dalam tindakan yang boleh dikuatkuasakan. Sebagai contoh, pada Februari 2024, Mahkamah Rayuan Belanda memerintahkan penggantungan eksport alat ganti pesawat F-35 ke Israel, dengan alasan bahawa tindakan tersebut berisiko menjadikan negara itu bersubhat dalam

pelanggaran serius terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa (Hague Court of Appeal. (2024).

Keputusan sebegini menunjukkan keupayaan penemuan undang-undang antarabangsa untuk memperkasakan institusi domestik, sekali gus mengekang penglibatan negara dalam pelanggaran undang-undang dan mengubah hala tuju dasar awam. Pengiktirafan oleh negara-negara lain, yang sebahagiannya digerakkan oleh kenyataan ICJ dan PBB, telah meningkatkan lagi kedudukan Palestin pada peringkat antarabangsa, serta memperluas aksesnya kepada saluran diplomatik dan undang-undang (PBS NewsHour. (2024). Namun begitu, ICJ tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan, dan pematuhan terhadap keputusannya bergantung pada kehendak politik serta tindakan kolektif antarabangsa. Hakikat ini menegaskan bahawa undang-undang tidak secara automatik dapat merealisasikan pembebasan atau kemerdekaan, sebaliknya ia merupakan landasan normatif yang memerlukan pembentukan pakatan penguatkuasaan bagi memastikan pelaksanaannya.

Dalam konteks ini, diplomasi awam telah muncul sebagai pemangkin utama yang menghubungkan jurang antara kenyataan undang-undang dengan pelaksanaan politik. Gerakan akar umbi seperti Boikot, Penjualan, dan Sekatan (BDS) merupakan contoh terbaik. Gerakan yang dilancarkan pada tahun 2005 itu merangka semula isu Palestin sebagai sebahagian daripada perjuangan global untuk mendapatkan keadilan, penamatan penjajahan dan perlindungan hak asasi manusia (Barghouti, O. 2011).

Aktivisme digital telah mengukuhkan naratif ini sebagaimana yang berlaku semasa pengusiran Sheikh Jarrah pada tahun 2021 dan Perang Gaza 2023–2024. Dalam hubungan ini, media sosial telah mengubah testimoni peribadi menjadi advokasi global, menggerakkan demonstrasi serta mengubah liputan media arus perdana. Kumpulan pelarian, khususnya di Eropah dan Amerika Utara, telah melobi parlimen dan parti politik untuk menjadikan isu Palestin sebagai sebahagian daripada perbincangan politik utama. Selain itu, pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa seperti Amnesty International dan Human Rights Watch yang menjelaskan pendudukan Israel sebagai sistem apartheid berjaya mengukuhkan lagi usaha akar umbi ini (Amnesty International, 2022). Diplomasi awam juga telah menghasilkan kesan yang ketara. Misalnya pengiktirafan Palestin oleh Sepanyol, Ireland, dan Norway pada tahun 2024, serta penggantungan eksport senjata oleh Wilayah Walloon. Semuanya ini mencerminkan gabungan antara mandat undang-undang dengan tekanan masyarakat sivil (Amnesty International, 2022).

Namun begitu, diplomasi awam, sebagaimana juga undang-undang, mempunyai batas dan kekangan tertentu. Penyeliaan kandungan dan penapisan di platform digital, kepentingan geopolitik, serta diplomasi berpusatkan interaksi antara negara telah menghalang potensi transformasi sebenar diplomasi awam. Walau bagaimanapun, apabila digabungkan dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), mekanisme Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan penguatkuasaan oleh mahkamah domestik, diplomasi awam dapat mengukuhkan akauntabiliti dan menolak pembebasan atau kekebalan pihak tertentu

daripada hukuman. Secara keseluruhan, gabungan antara undang-undang, institusi, dan advokasi akar umbi ini membentuk rangka kebangkitan global untuk Palestin — satu kesatuan yang menggabungkan kejelasan norma dengan mobilisasi rakyat dalam usaha beransur-ansur menuju pembebasan Palestin.

### **Konsep “Ekonomi Genosid”**

Francesca Albanese, Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Wilayah Palestin yang Diduduki menyeru agar semua negara memutuskan semua hubungan perdagangan dan kewangan dengan Israel. Selain itu, beliau juga menyeru agar negara dunia melaksanakan sekatan penuh terhadap penjualan senjata dan menarik balik sokongan terhadap apa disebut sebagai “ekonomi genosid.” Dalam laporannya yang bertajuk *From Economy of Occupation to Economy of Genocide*, beliau menghuraikan bagaimana rangkaian global korporat telah menyokong projek penempatan dan penjajahan Israel melalui penindasan, pengawasan, peluasan penempatan haram, serta keganasan ketenteraan.

Syarikat senjata utama seperti Lockheed Martin (Amerika Syarikat), Leonardo Spa (Itali), Elbit Systems dan Israel Aerospace Industries (IAI) (Israel), serta FANUC (Jepun), selain syarikat perkapalan A.P. Moller–Maersk (Denmark) dikenal pasti sebagai penggerak utama dalam menjayakan serangan ketenteraan Israel. Hal ini termasuklah penggunaan 85,000 tan bahan letupan di Gaza yang enam kali ganda lebih kuat daripada kuasa kemusnahan bom Hiroshima. Pada masa yang sama, syarikat teknologi seperti Microsoft, Alphabet (Google), Amazon, IBM, dan Palantir Technologies memainkan peranan penting dalam memudahkan pengawasan besar-besaran serta operasi ketenteraan berasaskan data. Sementara itu, syarikat jentera berat seperti Caterpillar (Amerika Syarikat), Hyundai (Korea Selatan), dan Volvo Group (Sweden) membekalkan peralatan yang secara langsung digunakan untuk merobohkan harta dan infrastruktur Palestin (Hague Court of Appeal, 2024).

Selain itu, syarikat pembinaan, tenaga, dan teknologi turut meraih keuntungan daripada kemusnahan di Gaza, manakala universiti antarabangsa dan platform pelancongan global menormalisasikan serta mengekalkan pendudukan Israel. Keuntungan sistemik ini membentuk apa yang disebut oleh Francesca Albanese sebagai “perusahaan jenayah secara bersama”, yang menggabungkan kepentingan kewangan, korporat, dan politik dalam mekanisme genosid. Beliau berhujah bahawa gabungan ini telah mengubah pendudukan menjadi ekonomi genosid yang menguntungkan. Oleh yang demikian, tindakan segera diperlukan dalam bentuk pelupusan (*divestment*), akauntabiliti, serta tindakan undang-undang terhadap syarikat yang keuntungannya mempunyai kaitan dengan sistem apartheid Israel (Hague Court of Appeal, 2024).

Penentangan terhadap ekonomi ini telah dizahirkan melalui kempen solidariti pada peringkat antarabangsa, khususnya Boikot, Lupus, dan Sekat (BDS), yang menyasarkan syarikat dan aliran kewangan yang bersubahat dengan rejim Israel (Omar Barghouti, 2011). Diplomasi awam dan advokasi digital telah memperluas kesedaran ini dengan mendedahkan bagaimana pilihan pengguna, pertukaran budaya, dan pelaburan antarabangsa menyumbang kepada

penindasan yang berterusan. Pengiktirafan Palestin oleh Sepanyol, Ireland, dan Norway pada tahun 2024 menggambarkan bagaimana kritikan ekonomi bertembung dengan amalan diplomatik, menunjukkan kesalinghubungan antara dasar ekonomi, moral, dan politik (PBS Newshour, 2024). Oleh itu, kebangkitan global untuk pembebasan dan kemerdekaan Palestin menuntut bukan sahaja penglibatan undang-undang serta diplomatik, tetapi juga pembongkaran struktur ekonomi yang membawa kemusnahan dan ketenteraan yang meraih keuntungan daripada kekejaman.

### **Kesimpulan**

Kajian ini mendapati bahawa perjuangan rakyat Palestin dibentuk oleh dua dinamika utama: pertama, penindasan sistematik yang disokong oleh ekonomi genosid global; dan kedua, kebangkitan global yang semakin menuntut akauntabiliti dan keadilan. Pendudukan Israel bergantung pada amalan eksploitasi sumber, pemusnahan infrastruktur, serta keuntungan korporat yang melibatkan sektor senjata, teknologi, pembinaan, dan kewangan. Namun begitu, undang-undang antarabangsa, kenyataan rasmi PBB, aktivisme akar umbi, dan diplomasi awam semakin melemahkan legitimasi sistem ini. Walaupun masih terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, gerakan seperti BDS, kempen flotila, dan pengiktirafan negara terhadap Palestin membuktikan bahawa masyarakat sivil dan advokasi undang-undang mampu menekan kerajaan serta korporat antarabangsa. Kajian ini menyimpulkan bahawa pembebasan Palestin memerlukan pembongkaran struktur ekonomi dan politik yang menyokong jenayah genosid, di samping memperkukuh rangkaian solidariti global yang menghubungkan perjuangan Palestin dengan perjuangan sejagat untuk menegakkan keadilan.

### **Rujukan**

- Abu-Lughod, I. (Ed.). (1971). *The transformation of Palestine: Essays on the origin and development of the Arab–Israeli conflict*. Northwestern University Press.
- Ali, M. (2025, June 9). *Freedom flotillas: A history of attempts to break Israel's siege of Gaza*. Al Jazeera. <https://www.aljazeera.com/news/2025/6/9/freedom-flotillas-a-history-of-attempts-to-break-israels-siege-of-gaza>
- Al-Shabaka: The Palestinian Policy Network. (2025, May 27). *Focus on: Global solidarity with Palestine*. Al-Shabaka. <https://al-shabaka.org/policy-focus/focus-on-global-solidarity-with-palestine/>
- Azoulay, A., & Ophir, A. (2012). *The one-state condition: Occupation and democracy in Israel/Palestine*. Stanford University Press.
- Al Jazeera Staff. (2022, September 16). *Sabra and Shatila massacre: What happened in Lebanon in 1982?* Al Jazeera. <https://www.aljazeera.com/news/2022/9/16/sabra-and-shatila-massacre-40-years-on-explainer> (Accessed August 17, 2025)
- Amnesty International. (2022). *Israel's apartheid against Palestinians*. Amnesty International. <https://www.amnesty.org/en/latest/campaigns/2022/02/israels-apartheid-against-palestinians/>.
- Barghouti, O. (2011). *Boycott, divestment, sanctions: The global struggle for Palestinian rights*. Haymarket Books.

- Chomsky, N., & Pappé, I. (2010). *Gaza in crisis: Reflections on Israel's war against the Palestinians*. Haymarket Books.
- Erakat, N. (2019). *Justice for some: Law and the question of Palestine*. Stanford University Press.
- Finkelstein, N. (2012). *Knowing too much: Why the American Jewish romance with Israel is coming to an end*. OR Books.
- Defense for Children International – Palestine. (n.d.). *Israeli forces detain record number of Palestinian children without charge or trial*. [https://www.dci-palestine.org/israeli\\_forces\\_detain\\_record\\_number\\_of\\_palestinian\\_children\\_without\\_charge](https://www.dci-palestine.org/israeli_forces_detain_record_number_of_palestinian_children_without_charge) (Accessed August 18, 2025).
- Dugard, J. (2013). *International law: A South African perspective* (4th ed.). Juta Law.
- Emy Azziaty Rozali, & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2011). *Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour dan kesannya terhadap Palestin*. *International Journal of West Asian Studies*, 3(2), 24. DOI: 10.5895/ijwas.2011.08.
- Gordon, N. (2008). *Israel's occupation*. University of California Press.
- Haddad, T. (2016). *Neoliberalism and nationalism in the occupied territory: The political economy of Palestine*. Routledge.
- Hague Court of Appeal. (2024, February 12). *Judgment: Government of the Netherlands, notice of appeal*. Hague Court of Appeal.
- Hanieh, A. (2013). *Lineages of revolt: Issues of contemporary capitalism in the Middle East*. Haymarket Books.
- Haugbolle, S., & Olsen, P. V. (2023). *Emergence of Palestine as a global cause*. *Middle East Critique*, 32(1), 129–148. <https://doi.org/10.1080/19436149.2023.2168379>
- Human Rights Watch. (2021, April 27). *A threshold crossed: Israeli authorities and the crimes of apartheid and persecution*. Human Rights Watch. <https://www.hrw.org/report/2021/04/27/threshold-crossed/israeli-authorities-and-crimes-apartheid-and-persecution>
- Human Rights Watch. (2023, December 18). *Israel: Starvation used as weapon of war in Gaza*. Human Rights Watch. <https://www.hrw.org/news/2023/12/18/israel-starvation-used-weapon-war-gaza>
- Human Rights Watch. (2003). *The right to return*. Human Rights Watch. <https://www.hrw.org/reports/2003/croatia0903/3.htm>
- International Court of Justice. (2004, July 9). *Legal consequences of the construction of a wall in the occupied Palestinian territory: Advisory opinion*. International Court of Justice.
- International Court of Justice. (2024, January 26 & March 28). *Application of the Genocide Convention (South Africa v. Israel): Order*. International Court of Justice.
- International Court of Justice. (2024, May 24). *Application of the Genocide Convention (South Africa v. Israel): Order*. International Court of Justice.
- Kattan, V. (2009). *From coexistence to conquest: International law and the origins of the Arab–Israeli conflict, 1891–1949*. Pluto Press.
- Khalidi, R. (2020). *The hundred years' war on Palestine: A history of settler colonialism and resistance, 1917–2017*. Metropolitan Books.

- Khalidi, R. (1997). *Palestinian identity: The construction of modern national consciousness*. Columbia University Press.
- Masalha, N. (2012). *The Palestine Nakba: Decolonising history, narrating the subaltern, reclaiming memory*. Zed Books.
- Masalha, N. (2008). *Remembering the Palestinian Nakba: Commemoration, oral history and narratives of memory*. *Holy Land Studies*, 7(2), 123–156. <https://doi.org/10.3366/E147494750800019X>
- Mohd. Nor, M. R. (2010). *Konflik Israel-Palestin dari aspek sejarah moden dan langkah pembebasan dari cengkaman Zionis*. *Jurnal Al-Tamaddun*, 5, 73–74.
- Morris, B. (2008). *1948: A history of the first Arab–Israeli war*. Yale University Press.
- Middle East Monitor. (2022, December 27). *Israel courts issued 600 house arrest orders against Palestinian children in 2022*. Middle East Monitor. <https://www.middleeastmonitor.com/20221227-israel-courts-issued-600-house-arrest-orders-against-palestinian-children-in-2022/>
- Pappé, I. (2006). *The ethnic cleansing of Palestine*. Oneworld Publications.
- PBS NewsHour. (2024, May 28). *Spain, Ireland and Norway formally recognize a Palestinian state*. PBS. <https://www.pbs.org/newshour/world/spain-ireland-and-norway-formally-recognize-a-palestinian-state>
- Quigley, J. (2010). *The statehood of Palestine: International law in the Middle East conflict*. Cambridge University Press.
- Ross, R. (2021). *Introduction to special issue on spaces of Palestine solidarity*. *Human Geography*, 14(3), 318.
- Said, E. W. (1979). *The question of Palestine*. Vintage Books.
- Shlaim, A. (2014). *Israel and Palestine: Reappraisals, revisions, refutations*. Verso.
- Sumud Nusantara. (2025). *Sumud Nusantara*. Rise Gaza. <https://www.risegaza.com/>
- United Nations Security Council. (2016, December 23). *Resolution 2334 (2016) [The situation in the Middle East, including the Palestinian question]*. United Nations. [https://undocs.org/S/RES/2334\(2016\)](https://undocs.org/S/RES/2334(2016))
- United Nations Security Council. (1980, August 20). *Resolution 478 (1980) [The situation in the Middle East: Jerusalem]*. United Nations. [https://undocs.org/S/RES/478\(1980\)](https://undocs.org/S/RES/478(1980))
- United Nations. (1978). *Right of return of the Palestinian people*. United Nations. <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-210170/>
- United Nations Security Council. (1967, November 22). *Resolution 242 (1967) [The situation in the Middle East]*. United Nations. [https://undocs.org/S/RES/242\(1967\)](https://undocs.org/S/RES/242(1967))
- Wan Roslili Abd. Majid. (2025, October 29). *Flotilla Gaza berjaya runtuhkan tembok kebisuan*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://www.ikim.gov.my/en/flotilla-gaza-berjaya-runtuhkan-tembok-kebisuan/>
- Wan Roslili Abd. Majid. (2025, July 1). *Kesedaran masyarakat benteng terakhir bela keadilan rakyat Palestin*. *Utusan Malaysia*.
- Wan Roslili Abd. Majid. (2023). *Perlindungan hak asasi manusia: Palestin sebagai korban dwistandard dan hipokrasi dunia Barat*. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(1), 31–41. DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2023.5.1.3>
- Weizman, E. (2012). *Hollow land: Israel's architecture of occupation*. Verso.